



“1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Ruj. Kami : KP(BKEW/BT)1920/10 (19)
Tarikh : 21 Mei 2012

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

Semua Pegawai Pelajaran Daerah
Pejabat Pelajaran Daerah

Semua Guru Besar

Y. Bhg Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

**PELAKSANAAN KELAS DEWASA IBU BAPA ORANG ASLI DAN PENAN
(KEDAP) TAHUN 2012, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya, saya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa surat siaran ini dikeluarkan bertujuan untuk menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai pelaksanaan KEDAP tahun 2012 di sekolah yang mempunyai murid Orang Asli, Penan dan Pribumi sebagai panduan kepada semua peringkat yang terlibat.

3. Selaras dengan pindaan pelaksanaan KEDAP melalui Kertas Cadangan Pelaksanaan Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli dan Penan Tahun 2011 bertarikh 21 Februari 2011 pelaksanaan KEDAP bagi tahun 2012 adalah seperti berikut:

3.1 Kriteria Pelajar Dewasa untuk mengikuti KEDAP

- a) Ibu atau bapa kepada murid Orang Asli di Semenanjung, Penan di Sarawak dan Pribumi di Sabah; dan
- b) Belum pernah mengikuti Kelas Dewasa.

(Sila catatkan rujukan Kementerian ini bila berhubung)

3.2 Bilangan Pelajar Dewasa

Jumlah Pelajar Dewasa bagi mengikuti KEDAP di setiap sekolah ditetapkan kepada 25 hingga 30 orang peserta.

3.3 Tempoh Pelaksanaan KEDAP

Kelas Dewasa dilaksanakan selama 75 hari / 150 jam dalam masa 25 minggu iaitu 3 sesi dalam 1 minggu dan setiap sesi adalah selama 2 jam.

3.4 Kadar Elaun Guru dan Insentif Pelajar

Kadar Elaun Guru dan Insentif Pelajar KEDAP masih kekal seperti kadar yang dinyatakan dalam SPK Bil. 7 Tahun 2008 dan diringkaskan seperti di jadual di bawah:

JENIS ELAUN	KADAR SEORANG (RM)	CATATAN
Elaun Kehilangan Pendapatan	RM 15.00 / hari	Dibayar tunai kepada Pelajar Dewasa. Terhad kepada 75 hari.
Elaun Makan	RM 4.00 / hari	Dibayar tunai kepada Pelajar Dewasa. Terhad kepada 75 hari.
Elaun Pakaian	RM50 setahun	Sekolah perlu membelikan baju T untuk kegunaan Pelajar Dewasa.
Bantuan Buku dan Peralatan Pembelajaran	RM50 setahun	Sekolah perlu menyediakan peralatan untuk bahan sokongan pembelajaran seperti alat tulis dan lain – lain.
Elaun Kesihatan	RM50 setahun	Sekolah perlu membeli ubat-ubatan asas, kit kecemasan dan alatan penjagaan diri.
Pakej Lawatan	RM50 setahun	Sekolah perlu membawa Pelajar Dewasa membuat lawatan sambil belajar ke Perpustakaan, Muzium dan sebagainya.
Elaun Guru	RM50 sejam	Dibayar kepada Guru. Terhad kepada 150 jam.

3.5 Penyaluran Peruntukan

Peruntukan KEDAP diturunkan kepada Bahagian Pendidikan Khas dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian untuk diagihkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) yang terlibat dan seterusnya JPN akan menyalurkannya ke Sekolah / Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) yang berkaitan.

3.6 Lebihan dan Baki Peruntukan

Jika terdapat lebihan dalam peruntukan (berikutan bilangan Pelajar Dewasa kurang daripada jumlah peruntukan yang diterima) di sekolah, pihak sekolah/ PPD perlu mengembalikannya kepada JPN dan JPN perlu memulangkan peruntukan tersebut kepada Bahagian Pendidikan Khas **selewat-lewatnya 30 Oktober 2012** untuk tujuan penyelarasan. Bahagian Pendidikan Khas perlu mengembalikan semua lebihan yang diterima kepada Bahagian Kewangan **selewat-lewatnya 30 November 2012**.

Manakala baki peruntukan (berikutan penjimatan dalam mana-mana elaun yang diberikan), pihak sekolah / PPD dibenarkan untuk menggunakan baki tersebut bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan KEDAP seperti majlis penyampaian sijil kepada pelajar.

3.7 Kaedah Perakaunan


Pihak sekolah/ PPD perlu mengakaunkan peruntukan dan perbelanjaan KEDAP berdasarkan peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa.

4. Sebarang pertanyaan berkaitan pelaksanaan KEDAP tahun 2012 ini boleh merujuk kepada Bahagian Kewangan di talian 03-8884 7506. Keprihatinan dan kerjasama Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam melaksanakan KEDAP tahun 2012 amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"TINGKATKAN PRODUKTIVITI, KURANGKAN KOS"

Saya yang menurut perintah,


(SABRI BIN HAJI SAID)
Bahagian Kewangan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
No Tel: 03-8884 7474
No Faks: 03-8884 7679
Emel: sabri.said@moe.gov.my

s.k.:

Ketua Setiausaha KPM

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), KPM

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Ketua Nazir, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti

Pengarah, Bahagian perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM

Setiausaha Bahagian, Bahagian Audit Dalam, KPM

Setiausaha Bahagian, Bahagian Audit Sekolah, KPM

Setiausaha Bahagian, Bahagian Akaun, KPM